



KERTAS KERJA PROGRAM 10 MINIT PANITIA BAHASA MELAYU



1. PENGENALAN

Panitia Bahasa Melayu berusaha untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam bilik darjah, bahkan aktiviti sokongan pembelajaran perlu juga difikirkan dan dilaksanakan bagi memantapkan lagi penguasaan serta pengetahuan murid-murid tentang topik, tajuk, dan kemahiran tertentu. Ada sesetengah topik, tajuk atau kemahiran yang difikirkan perlu diberi penekanan.

Justeru itu, pihak Panitia Bahasa Melayu telah mengambil langkah penyuburan untuk menjalankan aktiviti sepuluh (10) minit. Program ini bertujuan untuk membantu murid-murid memahami secara asas sesuatu tajuk atau kemahiran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan. Aktiviti ini diharap dapat menyegarkan minda murid-murid sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam kelas.

2. MATLAMAT

Untuk melahirkan murid yang boleh menggunakan bahasa Melayu yang gramatis dan berkomunikasi secara sopan, bermakna serta berkesan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menyegarkan minda agar lebih bersedia sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam kelas.
- 3.2 Menajamkan kemahiran membaca, mendengar, dan menghafal format karangan.
- 3.3 Menambah ilmu pengetahuan dalam keadaan santai dan di tempat yang terbuka.
- 3.4 Melatih dan memantapkan kemahiran berkomunikasi sesama rakan pelbagai tahap kecerdasan dan kebolehan.
- 3.5 Murid dapat membiasakan diri dengan bahan grafik yang disediakan.
- 3.6 Murid dapat memupuk modal insan semasa aktiviti berkumpul.

4. SASARAN

- 4.1 Murid Tahap Satu (Tahun 1, Tahun 2, dan Tahun 3) sahaja.
- 4.2 Murid Tahap Dua (Tahun 4 dan Tahun 5) sahaja.

5. BUTIRAN PROGRAM

- 5.1 Program **A** – Murid Memindahkan Maklumat @ Membina Ayat Berpandukan Grafik.
- 5.2 Program **B** – Mengembangkan Idea Kreatif dan Membuat Ulasan Aspek Nilai.
- 5.3 Tenaga Pengajar – Semua Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu.
- 5.4 Hari dan Masa – Setiap hari Isnin (7.30 pagi hingga 7.40 pagi).
- 5.5 Tempat atau Lokasi – Dataran Kejut atau Dataran Kantin Sekolah.

6. STRATEGI PELAKSANAAN

- 6.1 Setelah loceng pertama persekolahan dibunyikan (7.30 pagi), semua murid tahap satu berkumpul di dataran kantin manakala murid tahap dua, kecuali tahun enam berkumpul di dataran kejut. Mereka akan dibimbing oleh guru-guru Panitia Bahasa Melayu semasa menjalankan aktiviti.
- 6.2 Aktiviti dijalankan selama sepuluh (10) minit. Segala bahan dan edaran aktiviti dirancang dan disediakan oleh guru-guru Panitia Bahasa Melayu berdasarkan persetujuan yang diputuskan dalam mesyuarat panitia.
- 6.3 Aktiviti boleh dijalankan dalam pelbagai kaedah yang difikirkan sesuai dan berkesan (bacaan, dialog, lakonan, nyanyian, dan sebagainya) agar murid-murid memahami topik, tajuk atau kemahiran pembelajaran yang disampaikan.
- 6.4 Guru Panitia Bahasa Melayu bergilir-gilir melaksanakan program berdasarkan jadual yang ditetapkan. Guru panitia menjadi pemudah cara dan pemantau program yang dilaksanakan. Aktiviti program juga mesti dilaporkan dengan menggunakan buku atau rekad yang disediakan.

7. BAHAN @ DOKUMENTASI

Sumber – Sekolah atau Persendirian (Bahan Edaran Difotostat Bagi Setiap Orang Murid).

8. JAWATANKUASA PELAKSANAAN

- 8.1 Penasihat 1 : Tuan Haji Badry bin Zawawi (Guru Besar SK Sungai Tungku)
- 8.2 Penasihat 2 : Puan Norsiah binti Ariffin (Penolong Kanan Pentadbiran SKST)
- 8.3 Pengerusi : Encik Md. Ramli bin Sabran (Guru Cemerlang Bahasa Melayu)
- 8.4 Setiausaha : Puan Hani Azlin binti Hamdan
- 8.5 Anggota Jawatankuasa :
1. Puan Fatimah binti Hasan
 2. Puan Hanizan binti Hassan
 3. Puan Rositah binti Mohamed
 4. Puan Norizah binti Mohamad
 5. Puan Nor Azizah binti Abu Hayan
 6. Puan Rokibah binti Abd. Aziz

9. KEWANGAN

Sumber – Kewangan Sekolah atau Duit Poket Guru Sendiri.

10. JAWATANKUASA PELAKSANAAN

- 10.1 Bahan bacaan atau rujukan murid-murid ialah bahan edaran yang berfaedah serta menepati Sukatan Pelajaran (SP) atau Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). Bahan ini telah dipantau oleh anggota jawatankuasa panitia dan telah dipersetujui. Malahan, telah dirancang dengan kemas penggunaannya.
- 10.2 Kaedah 'Pembelajaran Masteri' atau kaedah 'Pembelajaran Akses Kendiri' (PAK) amat sesuai dipraktikkan kerana konsep ini memberi pemahaman serta membantu murid-murid mengingati topik atau kemahiran sesuatu mata pelajaran dengan lebih baik. Tambahan pula, pengalaman sedia ada murid-murid akan dapat merangsang minda bagi menguasai sesuatu kemahiran.
- 10.3 Murid belajar dalam suasana kumpulan yang pelbagai kecerdasan. Dalam keadaan sebegini, konsep 'Pembimbing Rakan Sebaya' (PRS) dapat dilaksanakan. Murid cerdas diminta membantu murid yang lemah. Hal ini demikian dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memantapkan kemahiran berkomunikasi. Sekali gus dapat membentuk modal insan pada kalangan murid-murid.

11. RUMUSAN

- 11.1 Panitia Bahasa Melayu mengharapkan agar program ini dapat memberi manfaat kepada semua murid bagi melatih mereka menyegar suburkan minda agar lebih bersedia sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam bilik darjah.
- 11.2 Di samping itu, diharapkan agar program ini mampu memberi input pembelajaran sesuatu topik atau kemahiran yang diketengahkan dengan lebih berkesan dan murid-murid memahaminya dengan lebih mudah.

12. BORANG PELAPORAN

MINGGU : _____

TARIKH	TAHAP	AKTIVITI YANG DIJALANKAN	TANDATANGAN
	Satu		
	Dua		